



**PERSATUAN OLAHRAGA MASTER MALAYSIA**

*Sambutan  
Ulang Tahun ke*

**40**

**1984-2024**

**DIRASMIKAN OLEH:  
YB HANNAH YEOH**

**MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

## **LAPORAN**

**MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM  
SAMBUTAN ULANG TAHUN POMM YANG KE-40  
(MMAA 40<sup>TH</sup> ANNIVERSARY DINNER)**

**25 MEI 2024**

**HOTEL HILTON,  
PETALING JAYA**

## PENDAHULUAN

Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM) menyambut ulang tahun yang ke-40 nya pada tahun ini. POMM telah ditubuhkan pada tahun 1984, oleh beberapa orang bekas atlet kebangsaan. Semenjak ia ditubuhkan, POMM sehingga sekarang berfungsi dengan aktif untuk memastikan kesejahteraan atlet-atlet master dijaga dan dibela. POMM telah dengan jayanya menganjurkan Kejohanan Olahraga Master Malaysia sebanyak 35 kali dalam 40 tahun, serta 3 Kejohanan Olahraga Master Asia pada tahun 1990, 2010 dan 2019. Selain daripada itu aktiviti lain seperti Seminar kesihatan, kecergasan; Kursus pengurusan, teknikal; Karnival sukan; Jamuan makan dan Penyampaian anugerah diadakan secara berterusan pada setiap tahun.

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun POMM yang Ke-40, satu majlis jamuan makan malam "**MMAA 40<sup>th</sup> Anniversary Dinner**" telah dianjurkan pada:

Tarikh : 25 Mei 2024  
Masa : 7.30 malam  
Venue: Hotel Hilton, Petaling Jaya

Selain daripada menyambut ulang tahun ke-40, majlis jamuan ini adalah bertujuan untuk mengenang budi semua ahli, sukarelawan yang telah memberi tenaga dan bantuan kepada aktiviti-aktiviti POMM, sepanjang masa.

## PERASMIAN

Majlis jamuan ini telah dirasmikan oleh **Yang Berhormat Hannah Yeoh**, Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Dalam ucapan perasmiannya, beliau telah menekankan usaha dan niat KBS untuk memberi tumpuan khas kepada warga emas. Beliau berharap agar pelbagai aktiviti dianjurkan khas untuk warga emas dan atlet-atlet master supaya semua golongan masyarakat dapat hidup secara aktif dan sihat. Beliau juga memaklumkan bahawa KBS rasa gembira membantu POMM kerana pencapaian persatuan ini selama 40 tahun. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua atlet master yang telah mencapai kejayaan yang cemerlang di peringkat antarabangsa. YB Menteri telah memaklumkan bahawa KBS akan memberi bantuan kewangan sebanyak RM50,000 kepada POMM untuk aktiviti-aktivitinya.

POMM merakamkan ribuan terima kasih kepada YB Menteri atas sumbangan tersebut.

## **TETAMU**

Seramai 140 orang tetamu yang terdiri daripada Pegawai-pegawai dari KBS, Majlis Olimpik Malaysia, Asia Masters Athletics, Kesatuan Olahraga Malaysia, MARFIMA, Persatuan Olahraga WP Kuala Lumpur, Kelab Sukan JETS, Persatuan-persatuan Olahraga Master Negeri dll telah menghadiri majlis ini.

**Di antara tetamu kehormat yang hadir majlis jamuan adalah:**

**YBhg Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan**, Presiden Pertama POMM; **YBhg Dato' Nashatar Singh**, Presiden Kedua POMM; **YBhg Dato' Paduka Mumtaz Jaffar**, Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia; **YBhg Dato' Sarjit Singh**, Presiden MARFIMA, **YBhg Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran**, Presiden Kehormat Asia Masters Athletics; Yang Berusaha **Encik A. Kannan** dari Singapura, Naib Presiden Asia Masters Athletics; **Cik Moira Tan Siew See**, Penolong Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia; **Encik Musashi Sagara** dari Indonesia, Ahli Majlis Asia Masters Athletics; **Encik S. Govindaraju** dari Singapura, Ahli Majlis Asia Masters Athletics, **Encik Syamsul Bani Abdullah**, Naib Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia dll.

## **Ucapan**

Selain daripada ucapan perasmian oleh YB Menteri, Presiden POMM Encik S. Sivapragasam telah memberi Ucapan Alu-aluan, dan YBhg Tan Sri Dato' Dr M. Jegathesan, Presiden Pertama POMM telah memberi ucapan menerangkan sejarah pertubuhan POMM.

## **Persembahan oleh para atlet master**

Beberapa persembahan berikut telah diadakan. Kesemua persembahan ini telah dipersembahkan oleh para atlet master:

### **i) Pertunjukkan Fashion**

Seramai 12 orang atlet master wanita berumur 45 tahun ke 86 tahun telah membuat 'catwalk' dengan pelbagai pakaian.

### **ii) Tarian 'Cha Cha Cha'**

Seramai 7 orang atlet master telah menari, diketuai oleh Kam Ah Boay, atlet master berumur 77 tahun.

### iii) **Tarian Bachata dan Tango**

Lee Shew Kheng, atlet master berumur 70 tahun dan pasangannya telah mempersembahkan tarian 'Bachata dan Tango'. Beliau pernah memenangi pingat dalam Suhartao Cup dan World Masters Athletics Championships.

Kesemua persembahan di atas telah mendapat sambutan yang baik daripada para tetamu. Mereka rasa kagum kerana umur dan keyakinan yang ditunjukkan oleh para athlete .

### **Persembahan oleh kanak-kanak**

Moto POMM adalah '**Motivation before Participation**'. POMM sentiasa menggalakkan generasi muda untuk menyertai dalam aktiviti-aktiviti POMM untuk memberi motivasi dan inspirasi kepada generasi muda agar mereka mengikuti jejak atlet-atlet master untuk menjadi aktif dan sihat.

Berdasarkan kepada moto POMM, seorang kanak-kanak berumur 7 tahun, **Zara Shree** telah mempersembahkan tarian Cina, dan mendapat sambutan yang baik.

### **Penyampaian Cenderamata**

Semasa majlis Sambutan Ulang Tahun yang ke-40, sebagai memberi penghormatan dan penghargaan, POMM telah memberi cenderamata kepada bekas AJK POMM, sukarelawan, pegawai-pegawai teknik seperti berikut, yang telah banyak berjasa kepada POMM serta sentiasa memberi sokongan dan kerjasama:

- i) Pegawai - pegawai teknik olahraga yang senior dan yang berumur lebih daripada 80 tahun
- ii) Bekas Ahli Majlis Tertinggi POMM
- iii) Para sukarelawan yang telah membantu dalam aktiviti-aktiviti POMM
- iv) Persataun Olahraga Master Negeri
- v) Ahli Majlis Tertinggi Asia Masters Athletics

### **Penyampaian Anugerah**

- i) Anugerah kepada 2 orang atlet master tertua  
Margaret Lim - 86 tahun (perempuan)  
Pushpanathan - 94 tahun (lelaki)  
Disampaikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan

- ii) Anugerah kepada pemenang pingat dalam Kejohanan Olahraga Masters Asia ke-22, yang telah berlangsung di Filipina, pada 7 - 12 November 2023.
- iii) Anugerah kepada 2 orang atlet master yang telah mencapai prestasi yang cemerlang di peringkat antarabangsa
  - Maggie Goh
  - Thomas Kok
- iv) Hadiah kepada Zara Shree yang telah mempersembahkan tarian Cina
- v) Cenderamata kepada Pengasas POMM:
  - YBhg Tan Sri Dato Dr. M. Jegathesan
  - YBhg Dato' Nashatar Singh
  - YBhg Dato' Sarjit Singh
  - YBhg Datuk Nawawi Hj Reduan
  - Yang Berusaha Encik S. Sivapragasam

Kesemua anugerah and cenderamata tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

### **Upacara memotong kek**

Pada akhir majlis, semua pengasas POMM bersama-sama dengan YB Menteri telah memotong kek "MMAA 40<sup>th</sup> Anniversary".

### **Ulasan**

- Walaupun terpaksa mengubah program asal, tetapi majlis telah berjalan dengan lancar dan mengikut masa yang telah ditetapkan.
- Walaupun cuaca buruk pada malam tersebut, kesemua tetamu yang dijemput telah hadir.
- Para tetamu telah terhibur dengan persembahan oleh atlet-atlet master
- Semua tetamu gembira dengan makanan yang disediakan.
- Semua telah memuji dan mengucapkan tahniah kerana majlis telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang isu. Semua telah terhibur dengan persembahan dan informasi yang telah diberikan dari semasa ke semasa oleh juru acara.
- Ramai yang telah mengucapkan terima kasih kepada POMM kerana menjemput mereka dan juga kerana memberi cenderamata kepada semua yang membantu POMM

## **UCAPAN PENGHARGAAN**

POMM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri kerana menghadiri majlis kami walaupun sangat sibuk dengan tugas-tugas yang lebih penting. Terima kasih kerana memberi ucapan yang memberangsangkan dan bermakna kepada semua warga emas. Terima kasih juga kerana memberi bantuan kewangan sebanyak RN50,000 untuk aktiviti POMM.

Ucapan terima kasih kepada semua pengasas POMM - YBhg Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan, YBhg Dato' Nashatar Singh, YBhg Dato' Sarjit Singh, YBhg Datuk Hj Nawawi Hj Reduan yang telah menghadiri dan memeriahkan majlis ini.

Terima kasih kepada Majlis Olimpik Malaysia, Kesatuan Olahraga Malaysia, MARFIMA, POWPKL, JETS, Persatuan-persatuan Olahraga Master Negeri serta semua tetamu kerana hadir dan memberi sokongan sepenuhnya kepada kami.

Sekian, terima kasih.

**S. Sivapragasam,**  
Presiden  
POMM  
29 Mei 2024

**Ketibaan YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia**



**Jamuan**



**Ucapan YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia**



**Ucapan YBhg Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan, Presiden Pertama POMM**



**Ucapan Encik S. Sivapragasam, Presiden POMM**





Cenderamata kepada Pegawai Teknik Olahraga yang berumur 80 tahun ke atas



Cenderamata kepada Ahli Majlis Tertinggi Asia Masters Athletics



Cenderamata kepada bekas AJK POMM dan sukarelawan



**Anugerah untuk Athlet Master Tertua**

**Cik Margaret Lim - 86 tahun**

**En. L. Pushpanathan - 95 tahun**



**Cenderamata kepada Persatuan Olahraga Master Negeri**



**Hadiah kepada Zara Shree (berumur 7 thn) yang mempersembahkan Tarian Cina**



**Cenderamata kepada Persatuan Olahraga Master Negeri**



Anugerah kepada pemenang pingat dalam Kejohanan Olahraga Master Asia Ke-22 di Filipina 2023,



Anugerah kepada 'International Achievers'



**PENGASAS POMM (Founder Members of MMAA)**



**Cenderamata kepada pengasas POMM**

